

## Mendakwah Warga Tua di Malaysia dan Indonesia

WAN IBRAHIM WAN AHMAD & ZAINAB ISMAIL

### ABSTRACT

*The elderly population is growing in all societies including in Malaysia and in Indonesia. This article suggests that the elderly be the main target of Islamic mission. Besides in community as well as in the public places, hospitals can also be one of the strategic places to deliver dakwah. Based on personal experience, this article concludes that not many Muslim preachers deliver their Islamic mission in hospitals in Malaysia. The Muslim preacher should not be hesitant to grab this opportunity to deliver Islamic mission to the elderly patients. If the Muslim preacher does not grab this opportunity to call people to Islam, as a consequence, it is possible that this vacuum may be taken by Christian missionaries in their christianization efforts.*

### ABSTRAK

*Jumlah warga tua dalam mana-mana masyarakat, termasuk di Malaysia dan Indonesia, semakin bertambah. Artikel ini menyarankan warga tua perlu dijadikan sasaran dakwah. Walaupun usaha dakwah adalah perlu kepada semua kategori penduduk, tetapi warga tua adalah di antara mereka yang berada dalam risiko yang berhadapan dengan kematian yang lebih tinggi. Selain dalam komuniti serta di tempat-tempat awam yang lain, hospital juga merupakan tempat yang strategik untuk menyampaikan mesej dakwah. Berdasarkan pengalaman peribadi, didapati tidak ramai pendakwah Muslim yang menyampaikan mesej dakwah di kalangan pesakit tua di hospital-hospital di Malaysia. Para pendakwah perlu merebut peluang ini untuk dapat menawan hati para pesakit tua yang sedang menuju kepada kematian. Jika pendakwah tidak merebut peluang baik ini, adalah dikhawatir peluang yang ada akan dimonopoli oleh para mubaligh Kristian dalam rangka kristianisasi mereka.*

### PENDAHULUAN

Warga tua pada asasnya merupakan mereka yang berumur 60 tahun atau lebih. Dalam konteks Malaysia, mereka adalah termasuk dalam kumpulan minoriti yang digelar sebagai warga emas. Gelaran ini sesuai diberikan kepada mereka kerana mereka adalah satu golongan yang mempunyai banyak pengalaman, kemahiran, dan berpotensi kepada keluarga, masyarakat dan Negara. Bangsa-

Bangsa Bersatu melalui Resolusi No. 45/106 mengisyiharkan 1 Oktober 1995 sebagai Hari Warga Tua Antarabangsa. Manakala kerajaan Malaysia mengisyiharkan 1 Oktober setiap tahun mulai 1992, sebagai Hari Warga Tua Kebangsaan, dan melancarkan Dasar Warga Tua Kebangsaan pada tahun 1995 (Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia 2006). Melalui pengisyiharan Hari Warga Tua ini, bukan sahaja Negara dapat membentuk nilai masyarakat penyayang di kalangan generasi muda, tetapi dapat mengangkat martabat warga tua.

Bagaimanapun, dari segi psikologi apabila seseorang telah mencapai usia warga tua, satu perkara yang menjadi masalah dan menimbulkan kecelaruan mental di kalangan warga tua ialah kematian. Walaupun kematian tidak mengenal usia, namun apabila seseorang sudah termasuk ke dalam kategori warga tua, maka mereka sudah berada di penghujung perjalanan hidup. Di negara maju, kematian di pelbagai peringkat umur selain peringkat tua, tidak banyak berlaku. Oleh itu apabila disebut kematian, maka kematian itu hampir sinonim dengan warga tua. Ini kerana di peringkat umur inilah selalunya kematian banyak terjadi dalam siklus hidup manusia di negara maju. Di negara membangun pula, termasuk Malaysia dan Indonesia, kematian boleh terjadi di setiap peringkat kehidupan.

Sebagai seorang Muslim yang satu hari nanti akan termasuk dalam kategori warga tua, sepatutnya lebih bersedia untuk berhadapan dengan satu fasa penting perjalanan hidup iaitu kematian. Bagi menjamin kesejahteraan hidup warga tua di dunia dan akhirat, usaha dakwah terhadap mereka perlu digembangkan oleh para pendakwah. Para pendakwah perlu mendekati golongan warga tua sebagai satu usaha penjagaan dan perlindungan terhadap mereka dari segi agama. Persoalannya ialah, apakah yang sepatutnya dilakukan oleh para pendakwah terhadap warga tua? Apakah kaedah dakwah yang sesuai diberikan kepada warga tua? Berasaskan pengalaman peribadi artikel ini akan meneliti persoalan ini dengan menumpukan kepada usaha dakwah yang dilaksanakan oleh pendakwah berpandukan kepada dakwah kepada pesakit tua yang terlantar di hospital sama ada di Malaysia ataupun Indonesia.

## WARGA TUA. KONSEP DAN DEFINISI

Konsep warga tua adalah satu konsep yang agak sukar untuk didefinisikan. Ini disebabkan warga tua adalah satu konsep yang subjektif. Ada orang yang dari segi umur kronologinya masih muda, tetapi sudah kelihatan tua, ataupun sebaliknya. Oleh kerana itu, adalah agak sukar untuk menentukan bila seseorang itu sesuai dikatakan tua. *Kamus Dewan* (Dewan Bahasa dan Pustaka 1993) mendefinisikan orang tua sebagai orang yang sudah lama hidup; sudah lanjut usia (tidak muda lagi); atau sudah berumur. *Webster's Third New International Dictionary* (1966) pula mendefinisikan orang tua sebagai orang yang telah

meningkat umur. Oleh itu, warga tua secara umumnya merujuk kepada seseorang yang sudah lanjut usianya, atau tidak muda lagi.

Kalish (1982) menyatakan tidak ada jawapan yang tepat yang boleh digunakan untuk mendefinisikan bila sepatutnya seseorang itu dikatakan tua. Tetapi, untuk tujuan ini, Kalish menyarankan empat pendekatan yang boleh digunakan untuk mendefinisikan warga tua. Pertama, mendefinisikan warga tua berdasarkan umur kronologi, iaitu seseorang dikatakan tua apabila mencapai umur 65 tahun. Kedua, warga tua boleh didefinisikan berdasarkan perubahan-perubahan fizikal yang terjadi pada diri seseorang. Perubahan ini termasuklah perubahan dalam bentuk tubuh badan, perubahan pada raut muka, warna rambut, pendengaran atau penglihatan. Ketiga, mendefinisikan warga tua berdasarkan peranan sosial, iaitu seseorang boleh dikatakan tua apabila telah mencapai umur persaraan, sudah tidak lagi bekerja, atau sudah menjadi datuk ataupun nenek. Keempat, boleh juga mendefinisikan warga tua berdasarkan persepsi individu itu sendiri mengenai dirinya sama ada dia merasakan masih muda, sudah merasa tua atau sebaliknya.

Atchley (1988) pula menyatakan ada tiga pendekatan yang boleh digunakan untuk mendefinisikan warga tua, iaitu berdasarkan umur kronologi, kemampuan fungsional serta berdasarkan peringkat kehidupan seseorang. Berdasarkan umur kronologi, seseorang dikatakan tua apabila mencapai umur 60 atau 65 tahun. Daripada perspektif kemampuan fungsional, seseorang yang pelupa atau kurang pendengaran umpamanya, selalu dikaitkan dengan umur tua. Berdasarkan kepada peringkat kehidupan, individu akan melalui empat peringkat kehidupan, iaitu peringkat kanak-kanak, remaja, dewasa dan zaman tua dalam proses perkembangannya. Berdasarkan pendekatan ini, peringkat kanak-kanak dan peringkat tua merupakan peringkat yang amat memerlukan penjagaan (Cantor & Little 1985). Zaman tua bercirikan kemampuan fizikal yang menurun, dan di peringkat ini individu selalunya merasa sudah sampai ke penghujung kehidupannya. Dengan pendekatan yang hampir sama, Hooyman & Kiyak (1988) juga melihat proses penuaan dapat dianalisis melalui empat proses iaitu:

1. Penuaan secara kronologi; Proses penuaan ini dirujuk kepada peningkatan umur seseorang yang dikira sejak lahir.
2. Penuaan secara biolog; Proses penuaan ini dirujuk kepada perubahan tubuh badan secara fizikal yang boleh mengurangkan kemampuan sistem organ dalam tubuh disebabkan sel-sel tubuh menjadi tua dan rosak.
3. Penuaan secara psikologi; Proses penuaan ini dirujuk kepada perubahan dalam sistem deria, persepsi serta fungsi mental individu.
4. Penuaan secara sosial; Proses penuaan ini dirujuk kepada perubahan peranan dan hubungan individu dalam struktur sosialnya.

Daripada pelbagai proses penuaan ini, proses penuaan yang meluas dan mudah digunakan sebagai ukuran menentukan peringkat warga tua ialah pendekatan berdasarkan umur kronologi. Berdasarkan ukuran ini, ahli

gerontologi ataupun sosiologi penuaan meletakkan umur 60 atau 65 tahun sebagai ukuran warga tua. Bagaimanapun, penggunaan umur 60 atau 65 tahun itu didapat berbeza-beza di antara negara, ataupun di antara agensi dalam sesebuah negara. Umpamanya, Bahagian Kependudukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Amerika Syarikat menggunakan kedua-dua had umur 60 ataupun 65 tahun sebagai ukuran warga tua. Manakala Institut Keumuran Kebangsaan, Amerika Syarikat menggunakan had umur 65 tahun, dan Pejabat Pentadbiran Keumuran, Amerika Syarikat pula menggunakan had umur 60 tahun sebagai ukuran warga tua (Myers 1990). Perbezaan had umur warga tua ini pada asasnya berkaitan dengan had umur bersara bagi pekerja di sektor awam dalam sesebuah negara. Di negara maju, oleh kerana jangkaan hayat penduduk lebih panjang, maka had umur bersara bagi pekerja di sektor awam adalah lebih tinggi, iaitu 60 atau 65 tahun. Di negara membangun, termasuk ASEAN menggunakan had umur 60 tahun sebagai ukuran warga tua. Penggunaan had umur ini adalah diasaskan kepada keputusan resolusi had umur yang ditetapkan dalam “*World Assembly On Aging in 1982*” di Vienna (Portal Internet Desa 2006). Di Malaysia, mereka yang berumur 56 tahun ke atas sudah boleh dianggap sebagai warga tua. Ini disebabkan Malaysia menentukan had umur 56 tahun sebagai ukuran umur bersara bagi pekerja di sektor awam.

Berdasarkan kepada umur kronologi ini, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (2001) mengklasifikasikan warga tua kepada tiga kategori iaitu; *Young-Old* (warga tua berumur 60-69 tahun), *Old-Old* (warga tua berumur 70-79 tahun), dan *Oldest-Old* (warga tua berumur 80 tahun dan ke atas). Bagaimanapun, sesuai dengan keadaan setempat, Wan Ibrahim Wan Ahmad (1999) mengkategorikan warga tua kepada empat kategori iaitu; Tua Awal atau *Young-Old* (warga tua berumur 55-64 tahun), Tua Pertengahan atau *Middle-Old* (warga tua berumur 65-74 tahun), Tua Benar atau *Old-Old* (warga tua berumur 75-84 tahun), dan Tua Bangka atau *Oldest-Old* (warga tua berumur melebihi 85 tahun). Sesuai dengan penggunaan had umur yang digunakan oleh badan-badan rasmi di peringkat ASEAN ataupun antarabangsa, warga tua dapat dirumuskan sebagai seseorang yang mencapai umur 60 tahun dan ke atas.

#### PERTUMBUHAN WARGA TUA. FENOMENA GLOBAL

Kini, dunia sedang berhadapan dengan satu fenomena baru iaitu penuaan penduduk. Setiap bulan dunia mendapat pertambahan bersih penduduk berumur 65 tahun dan lebih sebanyak 800,000 orang. Malah pada 2010 pertambahan bersih ini berlipat ganda menjadi 1.1 juta sebulan dengan pertumbuhan yang paling ketara ialah di negara membangun (Kinsella & Taeuber 1993). Kategori penduduk ini dijangka bertambah daripada 264 juta orang dalam tahun 1980 kepada 828 juta dalam tahun 2025, dengan pertambahan sebanyak tiga kali ganda (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1991). Berdasarkan jangkaan ini,

pada tahun 2025, bagi setiap tujuh penduduk dunia terdapat seorang warga tua berumur 65 tahun dan lebih (Myers 1990).

Penuaan penduduk adalah fenomena abad ke-20. Sebelum abad ke-20, tidak ramai penduduk mana-mana masyarakat yang mencapai umur tua. Jangkaan hayat penduduk pada masa itu adalah rendah. Ketika jangkaan hayat penduduk masih rendah, bilangan penduduk tua adalah sedikit (Usman 1989). Dengan adanya kemajuan dalam bidang perubatan, serta pembaikan ke atas aspek pemakanan dan kesihatan masyarakat, jangkaan hayat penduduk mengalami peningkatan. Jangkaan hayat penduduk hari ini jauh lebih tinggi berbanding pada masa-masa yang lalu. Justeru itu umur penduduk pada hari ini jauh lebih tinggi. Akibatnya dalam tahun 1982, WHO mencatatkan penduduk yang mencapai umur 65 tahun dan lebih di seluruh dunia sekarang ini mengalami peningkatan. Pertambahan warga tua di dunia dalam sejarah boleh dikatakan perlahan. Pertambahan yang cepat berlaku di akhir abad ke-20. Sehingga tahun 1900 hanya Sweeden dan Perancis yang mempunyai proporsi penduduk berumur 65 tahun dan lebih, yang agak besar dalam struktur penduduknya. Kategori penduduk berumur 65 tahun dan lebih di dua buah negara tersebut berjumlah 8.4 peratus dan 8.2 peratus (Victor 1994). Pada masa itu, Negara-negara lain di dunia masih lagi mempunyai proporsi penduduk tua yang masih kecil.

Walaupun peningkatan warga tua sekarang ini merupakan fenomena sangat, tetapi pola pertumbuhannya berbeza antara negara maju dengan negara membangun. Dari segi peratus dalam struktur penduduk, jumlah warga tua di negara maju adalah lebih tinggi (Hooyman & Kiyak 1988). Kalau digunakan ukuran tujuh peratus penduduk berumur 65 tahun dan ke atas, untuk meletakkan struktur penduduk suatu negara sebagai kategori negara berpenduduk tua (PBB 1988), maka struktur penduduk di sesetengah negara maju telah dikategorikan sebagai berpenduduk tua sejak 1900 lagi. Semua negara ini mencapai status penduduk tua sepenuhnya sejak 1975, sedangkan semua negara membangun diandaikan akan mencapai status yang sama keseluruhannya pada tahun 2050 (Lihat Jadual 1 dan Jadual 2).

Jadual 2 menunjukkan dunia pada keseluruhannya berhadapan dengan fenomena berpenduduk tua pada tahun 2005 iaitu apabila penduduk tua dunia pada masa itu berjumlah 7.1 peratus (475 952 juta orang). Jika dibuat perbandingan antara negara maju dengan negara membangun, Jadual 2 ini menunjukkan negara membangun lebih lambat mendapat status penduduk tua. Ini bererti jumlah warga tua dalam masyarakat di negara membangun masih belum ramai. Keseluruhan negara maju sejak tahun 1950 lagi didapati telah mencapai status berpenduduk tua. Ini disebabkan pada waktu itu proporsi penduduk tua dalam struktur penduduknya berjumlah lebih daripada tujuh peratus (7.6%). Pada tahun 2000 dan tahun berikutnya, Eropah dianggap sebagai kawasan (benua) yang mempunyai penduduk tua yang paling ramai dalam struktur penduduknya (14.3%), sementara Afrika pula dianggap sebagai kawasan yang mempunyai penduduk tua yang paling kecil, iaitu 3.2 peratus (Lihat Jadual

JADUAL 1. Peratus penduduk berumur 65 tahun dan lebih di dunia: 1950-2050

Benua	1950	1975	2000*	2025*	2050*
Afrika	3.5	3.1	3.2	4.8	9.3
Amerika Latin	3.4	4.0	4.7	6.9	12.2
Amerika Utara	8.1	10.3	12.1	17.0	17.5
Asia Timur	4.7	5.5	7.8	13.4	17.1
Asia Selatan	3.4	3.0	3.7	6.2	12.2
Eropah	8.7	12.3	14.3	17.1	17.7
Australia/N. Z.	7.5	7.6	8.9	12.5	15.4
USSR	6.1	8.9	12.0	14.3	16.4

\* Pelunjuran

Sumber: Disesuaikan daripada Hooyman &amp; Kiyak (1988)

JADUAL 2. Jumlah dan peratusan penduduk berumur 65 tahun dan lebih di dunia: 1950-2025 (1000)

Tahun	Dunia		Negara Maju		Negara Membangun	
	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%
1950	127 808	5.1	63 566	7.6	64 242	3.8
1960	160 067	5.3	80 250	8.5	79 817	3.8
1970	200 137	5.4	101 007	9.6	99 120	3.7
1980	263 986	5.9	130 858	11.5	133 129	4.0
1990	327 633	6.2	145 614	12.1	182 018	4.5
2000	424 516	6.8	172 820	13.7	251 696	5.0
2005	475 952	7.1	185 644	14.4	290 319	5.3
2015	597 804	7.8	210 735	15.9	387 136	6.1
2025	828 164	9.7	257 028	19.0	571 136	8.0

Sumber: *Population Ageing in Asia, Asian Population Studies Series No. 108*, United Nations, 1991

1). Keadaan ini diandaikan akan berterusan sehingga tahun 2050. Ini disebabkan Eropah pada tahun 2050 itu diandaikan akan mempunyai 17.7 peratus warga tua, sedangkan Afrika hanya mempunyai 9.3 peratus warga tua. Dalam kategori negara maju, proporsi penduduk berumur 65 tahun dan ke atas bervariasi, daripada hampir 13 kepada mencapai hampir 18 peratus (Lihat Jadual 3).

Jadual 3 ini menunjukkan Sweeden adalah sebuah negara yang mempunyai proporsi penduduk tua yang paling besar, kemudian diikuti oleh Norway, United Kingdom, Belgium, Denmark dan lain-lain. Jepun dan United States adalah negara yang mempunyai proporsi penduduk tua yang paling rendah dalam kategori negara maju.

JADUAL 3. Penduduk berumur 65 tahun dan lebih di 20 negara berpenduduk paling tua dunia (1992)

Negara	Peratusan
Sweeden	17.9
Norway	16.3
United Kingdom	15.7
Belgium	15.4
Denmark	15.4
Austria	15.3
Itali	15.2
Perancis	15.0
Jerman	15.0
Switzerland	14.9
Greece	14.8
Spanyol	14.1
Finland	13.9
Luxembourg	13.8
Bulgaria	13.8
Hungary	13.7
Portugal	13.6
Netherlands	13.2
Jepun	12.8
United States	12.6

*Sumber* U.S. Bureau of the Census, Center for International Research,  
International Data Base on Aging (Kinsella & Taeuber 1993)

### WARGA TUA DI MALAYSIA DAN INDONESIA

Walaupun jumlah penduduk yang berumur 60 atau 65 tahun dan lebih di Malaysia dan Indonesia masih lagi kecil, tetapi dua negara ini sedang menuju ke arah berpenduduk tua. Proporsi penduduk ini dalam struktur penduduk dua negara ini kian bertambah setiap tahun. Revolusi demografi yang terjadi di negara maju akibat penurunan kelahiran, berserta dengan adanya kemajuan dalam teknologi perubatan yang menjadikan penduduk tua bertambah, termasuk di Malaysia dan Indonesia. Walaupun jumlah penduduk yang berumur 65 tahun dan lebih di dua negara ini pada hari ini masih lagi kecil jika dibandingkan dengan negara maju, tetapi terdapat tanda-tanda penduduk Malaysia dan Indonesia sedang menuju ke arah penuaan. Di Malaysia umpamanya, pada tahun 1970, penduduk yang berumur 65 tahun dan lebih ialah seramai 316 852 orang, dan jumlah ini meningkat menjadi 788 000 orang pada tahun 1995. Dari segi peratus, ia meningkat daripada 3.1 peratus (1970), kepada 3.9 peratus (1995) dan dijangka meningkat kepada 4.2 peratus (2000) dan 7.3 peratus pada 2020

(Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1991). Ini bererti pada abad ke-21, bilangan warga tua di Malaysia menjadi semakin ramai melebihi tujuh peratus. Kalau digunakan ukuran tujuh peratus penduduk berumur 65 tahun dan ke atas untuk meletakkan struktur penduduk suatu negara sebagai kategori negara berpenduduk tua seperti yang digunakan oleh PBB (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1988), maka struktur penduduk Malaysia bolehlah dikategorikan sebagai berpenduduk tua pada tahun 2020 kerana pada tahun tersebut penduduk tua di Malaysia berjumlah lebih daripada tujuh peratus (Jadual 4).

Oleh yang demikian, berbanding dengan negara maju, Malaysia adalah agak lambat mencapai status negara berpenduduk tua. Peningkatan jumlah warga tua di Malaysia, atau dalam mana-mana masyarakat dapat diperhatikan melalui beberapa petunjuk penting. Di antara petunjuk yang selalu digunakan untuk memahami peningkatan warga tua dalam masyarakat ialah jumlah penduduk berumur 65 tahun dan lebih dalam masyarakat, umur median, nisbah tanggungan dan indeks keumuran. Satu aspek yang menonjol daripada pertambahan penduduk tua di Malaysia ialah, sebahagian besar daripadanya tertumpu di kawasan desa. Pada tahun 1980 umpamanya, daripada seramai 475 407 orang warga tua di Malaysia, seramai 291 881 orang (54.7%) tinggal di luar bandar berbanding 215 526 orang (45.3%) yang tinggal di kawasan bandar (Jabatan Perangkaan Malaysia 1983). Pada tahun 1991 pula warga tua di Malaysia bertambah kepada 645 037 orang. Daripada jumlah ini, 351 995 orang (54.6%) tinggal di luar bandar, berbanding 293 042 orang (45.4%) tinggal di bandar (Jabatan Perangkaan Malaysia 1995). Angka daripada banci tersebut

JADUAL 4. Penduduk berumur 65 tahun dan lebih di Malaysia  
(1970-2020)

Tahun	Penduduk 60 tahun dan lebih		Penduduk 65 tahun dan lebih	
	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus
1970	539 118	5.2	316 852	3.1
1975	554 818	5.5	356 631	3.5
1980	745 152	5.7	475 407	3.6
1985	706 902	5.2	464 272	3.4
1991	1 032 310	5.9	657 401	3.7
1995	1 194 000	6.0	788 000	3.9
2000	1 450 000	6.6	919 000	4.2
2005	1 705 000	7.2	1 133 000	4.8
2010	2 094 000	8.3	1 340 000	5.3
2015	2 596 000	9.7	1 665 000	6.2
2020	3 216 000	11.3	2 079 000	7.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (1973; 1974; 1983; 1985)  
PBB (1991) - Unjurian Penduduk Dunia 1995-2020

menunjukkan lebih ramai warga tua bertumpu di kawasan desa berbanding bandar.

Selaras dengan pertambahan bilangan warga tua, sokongan kepada warga tua menjadi persoalan yang sangat penting. Di Malaysia, taburan penduduk tua yang banyak tertumpu di kawasan desa mempunyai perkaitan yang erat dengan faktor migrasi dari desa ke bandar. Masitah & Nazileh (1988) menyatakan dengan berlakunya proses industrialisasi yang pesat yang banyak tertumpu di bandar, menyebabkan ramai golongan muda berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan yang terdapat di bandar. Di kawasan desa pula, sektor ekonomi yang berteraskan pertanian didapati tidak berjaya untuk mengikat golongan ini untuk terus tinggal di kawasan desa kerana sektor ini adalah sektor yang kurang menarik minat golongan muda di negara ini (Khairuddin & Shamsuddin 1992). Oleh itu, dapat dikatakan ramai golongan muda desa telah berhijrah ke kawasan bandar, dan meninggalkan golongan tua di kawasan desa.

Migrasi desa ke bandar ini boleh dikaitkan dengan perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) di Malaysia yang dilancarkan pada tahun 1970. Meningkatnya jumlah warga tua yang tinggal di kawasan desa juga berkaitan dengan DEB. Program penggalakan Bumiputra memiliki dan menguasai 30 peratus aktiviti perniagaan dan perindustrian, serta program penggalakan Bumiputra berpindah daripada pekerjaan yang mempunyai daya pengeluaran yang rendah, kepada pekerjaan yang mempunyai daya pengeluaran yang tinggi, seperti yang dikehendaki oleh DEB, telah menggalakkan migrasi ke bandar di kalangan penduduk muda (Chamhuri 1987). Umumnya, dapat dikatakan bahawa peluang migrasi ke bandar ini tidak dapat direbut oleh warga tua kerana kemampuan fizikal mereka yang terhad. Di samping itu, hakikat pekerjaan di bandar yang memerlukan pekerjaanya banyak bergerak dan aktif juga menjadikan warga tua terus kekal tinggal di kawasan desa.

Akibat daripada migrasi desa ke bandar oleh golongan muda ialah berlakunya pemisahan tempat tinggal dan juga pemisahan antara warga tua dengan anak-anak dewasa mereka, serta berlaku perubahan dalam struktur keluarga warga tua itu sendiri. Pemisahan tempat tinggal dan perubahan dalam struktur keluarga mempunyai implikasi tertentu ke atas sokongan yang dapat diberikan kepada warga tua kerana salah satu bentuk sokongan adalah memerlukan sumber sokongan hadir secara peribadi di tempat warga tua berada. Perubahan ke atas pola sokongan ini boleh mempengaruhi aspek kesejahteraan warga tua, umpamanya mereka boleh kehilangan sumber sokongan, dan kemungkinan berhadapan dengan masalah penjagaan.

Keadaan persekitaran desa itu sendiri juga mempengaruhi lebih ramai warga tua tertumpu di kawasan desa. Keadaan persekitaran yang tidak sibuk, jauh dari kebisingan bandar, hubungan yang mesra di antara penduduk, saling mengambil berat serta semangat solidariti di kalangan anggota masyarakat yang kuat, menjadikan desa adalah lebih sesuai bagi warga tua. Dalam masyarakat desa, hubungan sosial, semangat kerjasama, gotong royong dan tololong

yang diperlukan oleh warga tua, adalah masih dipentingkan. Oleh kerana itu warga tua yang sudah mengalami kemerosotan kekuatan fizikal akan mudah mendapatkan sokongan. Keadaan seperti ini lebih sesuai dengan hakikat warga tua itu sendiri, dan kerana itu ramai warga tua pada hari ini lebih suka menetap di kawasan luar bandar.

Ramai warga tua semasa mudanya menetap di bandar, tetapi apabila umur tua, menetap di desa. Mereka merasakan desa lebih sesuai untuk kediaman. Setiap anggota masyarakat desa turut berperanan menjamin kesejahteraan hidup anggota masyarakat yang lain. Mereka masih berpegang kepada konsep komuniti. Hubungan antara anggota masyarakat adalah akrab. Semangat perpaduan adalah tinggi, dan kekurangan yang terdapat pada anggota masyarakat, boleh ditampung oleh anggota masyarakat lain, dan dengan itu kualiti hidup masyarakat tersebut sentiasa dapat dipelihara. Kehidupan masyarakat desa juga berada dalam keadaan harmoni. Mereka saling berinteraksi, dan saling memerlukan. Interaksi, selain penting untuk memberikan sokongan fizikal, ia juga penting kepada warga tua untuk mendapatkan sokongan emosi. Aspek penting dalam sokongan emosi, seperti kasih sayang, kemesraan, keakraban, percaya mempercayai, hormat menghormati, dan perasaan sentimen di antara anggota masyarakat, mudah diperolehi di kawasan desa yang masih tebal semangat *esprit de corps*.

Pelunjuran penduduk bagi Indonesia menunjukkan pola pertumbuhan warga tua di negara ini tidak jauh berbeza dengan apa yang berlaku di Malaysia. Proporsi warga tua di negara ini juga tidak banyak berbeza dengan proporsi warga tua di Malaysia, malah Indonesia juga diandaikan akan mendapat status berpenduduk tua dalam masa yang hampir sama dengan Malaysia. Indonesia akan mendapat status berpenduduk tua selepas tahun 2015. Pada tahun 2020,

JADUAL 5. Penduduk berumur 65 tahun dan lebih di Indonesia,  
1980-2025

Tahun	Peratusan
1980	3.3
1985	3.6
1990	3.9
1995	4.4
2000	5.1
2005	5.8
2010	6.4
2015	6.9
2020	7.8
2025	9.1

Sumber: *Population Ageing in Asia, Asian Population Studies Series*  
No. 108, United Nations, 1991

proporsi penduduk berumur 65 tahun dan lebih di Indonesia diandaikan berjumlah 7.8 peratus. Peratusan ini menunjukkan Indonesia juga merupakan sebuah negara yang bakal mencapai status berpenduduk tua (Jadual 5).

### WARGA TUA SEBAGAI SASARAN DAKWAH

Dakwah boleh didefinisikan sebagai seruan ke jalan Allah (Abd Karim 1975). Dakwah juga boleh didefinisikan sebagai satu gerakan ke arah perubahan yang bertujuan memperbaiki situasi yang telah rosak di kalangan manusia dengan cara memberi petunjuk berasaskan ajaran Islam (al-Naqib 1967). Selain itu, dakwah juga boleh didefinisikan mengikut empat kategori iaitu (Wan Hussein 1984);

1. Memberangsangkan manusia kepada kebaikan dan petunjuk Allah, menyuruh membuat kebaikan dan melarang kejahanan supaya mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat.
2. Menyelamatkan manusia daripada kesesatan dan kejahanatan.
3. Perlaksanaan orang-orang yang memahami agama dengan mengajar orang ramai supaya memahami perkara-perkara agama dan dunia.
4. Program yang sempurna meliputi semua ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh manusia supaya memahami tujuan hidup mereka dan supaya mereka dapat mengetahui jalan-jalan yang menghimpunkan mereka untuk mendapatkan hidayah.

Ketiga-tiga definisi ini menunjukkan dakwah adalah satu seruan yang mengajak manusia supaya menghayati ajaran Islam sebagai satu cara hidup. Dalam konteks untuk membantu warga tua menghadapi usia tua dan isu kematian, dakwah kepada warga tua dapat didefinisikan sebagai satu seruan yang mengajak warga tua untuk menambahbaikn kualiti amalan ibadah kepada Allah S.W.T sebagai persediaan terakhir sebelum meninggal dunia.

Pada usia tua, warga tua mengalami pelbagai perubahan sama ada dari segi fizikal, kognitif, emosi, konflik sosial, dan isu kematian (Mahmood Nazar 1990). Perubahan yang berlaku dari segi fizikal, akan menyebabkan kulit warga tua kelihatan berkedut, rambut berurban, mata kurang penglihatan, telinga kurang pendengaran, dan badan menjadi bongkok. Perubahan dari segi kognitif, warga tua didapati tidak dapat mengingati isu atau peristiwa baru, tetapi mempunyai ketahanan ingatan untuk mengingati peristiwa lama. Dari segi emosi, warga tua didapati agak mudah sensitif, manakala dari segi konflik sosial pula, warga tua didapati mengalami keceleruan mental akibat sikap pesimis dan ketidakpuasan dengan kehidupan yang dialaminya. Mereka tidak dapat menjalankan tanggungjawab dan tugas kehidupan dengan baik. Golongan warga tua yang bermasalah ini perlu didekati oleh para pendakwah, khususnya dalam konteks memberi kefahaman tentang perkembangan dan perubahan yang mereka

alam semasa di peringkat tua. Bagaimanapun, terdapat juga warga tua yang optimis dengan kehidupan yang dialaminya. Isu kematian adalah satu isu yang mengganggu warga tua khususnya yang pesimis dengan kehidupan masa lalu, dan menjadi isu yang ditunggu-tunggu bagi warga tua yang optimis. Perubahan ini akan menjadi satu perubahan yang bermakna jika warga tua dapat memahami dan menerima konsep hidup manusia di dunia hanya sementara.

Di Malaysia atau Indonesia, penjagaan dan perlindungan yang disediakan kepada warga tua adalah lebih bersifat jaminan ekonomi dan sosial yang meliputi aspek kehormatan dan martabat diri, keupayaan berdikari, penyertaan dalam masyarakat, penjagaan dan perlindungan kesihatan, serta penyelidikan dan pembangunan untuk kegunaan perancangan program pembangunan warga tua (Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak 2006). Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (2006), kebajikan warga tua sentiasa diambil berat. Warga tua yang kurang berasib baik sama ada tinggal bersendirian atau bersama keluarga diberi bantuan kewangan. Manakala warga tua yang tidak mempunyai waris disediakan pusat penjagaan seperti Rumah Seri Kenangan. Tujuannya adalah untuk memberi peluang kepada warga tua menikmati kehidupan yang lebih baik dan sempurna. Melalui strategi kehormatan dan martabat diri, warga tua diberi kemudahan untuk mendapatkan akses kepada sumber pendidikan rohaniah dan rekreasi yang ada dalam masyarakat. Strategi kehormatan dan martabat diri ini adalah satu strategi yang perlu distrukturkan semula bagi memberi peluang kepada warga tua untuk memiliki jaminan dari segi kerohanian atau agama.

Dakwah adalah satu aktiviti yang dapat membantu warga tua mencapai jaminan kerohanian atau agama. Bagaimanapun, dakwah kepada warga tua memerlukan ilmu dan kemahiran yang sesuai dengan perkembangan fitrah dan biologi warga tua itu sendiri. Para sarjana yang bergerak dalam bidang dakwah perlu mempunyai kepakaran khusus dalam sesuatu kategori penduduk, sama ada kanak-kanak, remaja, belia dewasa atau warga tua. Universiti atau manama institusi pengajian tinggi yang menawarkan program pengajian dakwah, seharusnya menawarkan kursus yang boleh melahirkan pendakwah yang menjurus kepakarannya dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengan kategori penduduk. Contohnya kursus yang berkaitan dengan bidang dakwah kepada kanak-kanak, dakwah kepada remaja, dakwah kepada orang kurang upaya, dakwah kepada warga tua, dakwah kepada wanita, dakwah kepada Muslim, dan dakwah kepada non-Muslim. Ini adalah kerana golongan yang berbeza ini mempunyai *wellstanchaung* yang berbeza, yang bererti usaha dakwah kepada mereka memerlukan teknik dan pendekatan yang berbeza. Tanpa pengetahuan mendalam mengenai *wellstanchaung*, teknik serta pendekatan yang tepat sasaran, menjadikan usaha dakwah sebagai satu proses percubaan sahaja.

Dalam konteks budaya, apabila seseorang memasuki peringkat tua, mereka dikatakan semakin hampir dengan kematian. Tempat yang menjadi tumpuan warga tua di waktu sakit ialah hospital. Di hospital, mereka akan diberi rawatan

fizikal. Rawatan fizikal ini penting dalam konteks untuk menyembuhkan penyakit warga tua. Bagaimanapun, warga tua juga perlu diberi rawatan kerohanian yang dapat memberi keyakinan kepada mereka untuk menghadapi masa depan di dunia dan akhirat. Walaupun tidak semua pesakit di hospital adalah warga tua, tetapi warga tua merupakan kategori penduduk yang amat perlu dijadikan sasaran dakwah di hospital berbanding kategori penduduk yang lain. Warga tua ini sama ada warga tua Muslim ataupun non-Muslim, perlu disampaikan mesej dakwah dalam usaha terakhir untuk membantu pesakit tersebut. Alangkah baiknya jika warga tua yang berada di penghujung kehidupan ini dijadikan sasaran utama dakwah agar mereka mengakhiri kehidupan mereka dengan sebaik-baik pengakhiran, bukan dengan penghujung yang buruk.

Pengalaman Wan Ibrahim Wan Ahmad semasa menjadi pesakit selama tiga puluh hari di salah sebuah hospital di kota Malang, Jawa Timur, Indonesia, memberikan pengalaman kepada beliau bahawa tidak ada pendakwah Muslim yang datang berdakwah kepada pesakit di hospital pada waktu itu. Apa yang ada hanyalah para mualigh daripada agama Kristian yang kelihatannya amat tekun dan sabar dengan tugas mereka. Mereka datang ke hospital boleh dikatakan hampir setiap hari. Malah, doktor ataupun jururawat yang ditugaskan menjaga kesihatan pesakit juga tidak melepaskan peluang menggunakan kesempatan yang ada mempamerkan kepada pesakit “kebaikan” dan “keindahan” agama mereka. Ada juga di antara mereka yang mempengaruhi aqidah umat Islam di waktu pesakit warga tua sedang bergelut dengan kematian. Ada yang membacakan kitab suci mereka kepada pesakit warga tua itu. Walaupun hingga kini tiada statistik yang menunjukkan jumlah umat Islam di Indonesia yang terpengaruh, serta mati dalam keadaan murtad akibat gerakan kristianisasi ini, namun fenomena ini cukup mengganggu dan boleh meruntuhkan aqidah umat Islam jika ia tidak dibendung dengan sistematik dan strategik.

Ramainya mualigh Kristian yang datang mempengaruhi warga tua Muslim semasa mereka sedang berhadapan dengan kematian kemungkinannya disebabkan oleh latar belakang sejarah negara Indonesia yang berbeza dengan Malaysia. Di Indonesia kumpulan mualigh Kristian mula beroperasi untuk mewujudkan satu komuniti spiritual berteraskan agama Kristian bermula sejak lama dulu. Kumpulan mualigh dari gereja *Anglican England* yang datang ke Sarawak dalam tahun 1848, serta penginjilan *Borneo Church Mission* (BCMI), mualigh-mualigh Roman Katolik, gereja Methodist dari Amerika, *Seventh Day Adventist* dan *Borneo Evangelical Mission* dari Australia (BEM), juga mempunyai perkaitan dengan penyebaran agama Kristian di Indonesia. Dalam konteks Borneo, Ismail Yusoff (1997) melalui bukunya *Politik dan Agama di Sabah*, turut menyatakan Sidang Injil Borneo sudahpun mula beroperasi menyebarkan agama Kristian di Borneo sejak tahun 1920-an lagi. Malah berdasarkan kepada Parsons (1967), mualigh Kristian pertama sudahpun memasuki Borneo sejak tahun 1332 dengan kemasukan paderi pertama iaitu Father Odoric. Kemasukan mualigh Kristian ke Borneo dan seluruh pelusuk

dunia Islam yang lain, termasuk Indonesia merupakan serangkaian usaha gerakan dan penyebaran Kristian ke seluruh dunia yang diatur oleh pertubuhan Kristian antarabangsa. Proses kristianisasi di kalangan penduduk Indonesia oleh para mualigh Kristian ini yang sudahpun berjalan sejak lama, kini masih rancak berjalan di seluruh pelosok daerah di Indonesia, termasuk di hospital-hospitalnya.

Bagaimanapun pada tahun 2005, sewaktu Seminar Antarabangsa Dakwah Malaysia-Indonesia diadakan di IAIN Imam Bonjol, Padang, satu maklumat telah disampaikan oleh seorang informan dalam seminar tersebut bahawa di Indonesia khususnya di Sumatera Barat dewasa ini, telah mempunyai kaunselor rohani di hospital-hospital, pusat-pusat pemulihan, dan penjara-penjara. Hal ini berlaku adalah disebabkan usaha gigih IAIN Imam Bonjol, Padang yang telah memperlebarkan gerakan dakwah memasuki institusi-institusi ini.

Di Malaysia, gerakan kristianisasi, lebih-lebih lagi di hospital-hospital, tidak serancak seperti yang berlaku di Indonesia. Apa yang menjadi pertanyaan ialah mengapa para pendakwah Muslim jarang kelihatan di tempat-tempat seperti ini? Semasa Wan Ibrahim Wan Ahmad menyiapkan tesis Doktor Falsafah berkaitan warga tua, beliau membuat pemerhatian ke atas gelagat pesakit warga tua di hospital-hospital yang ada di negeri Kelantan, Terengganu, Selangor, Kuala Lumpur, Kedah dan Perlis. Daripada pemerhatian tersebut, beliau dapatti tiada seorang pun pendakwah Muslim yang datang ke hospital untuk berdakwah kepada pesakit warga tua. Beliau hanya menemui seorang doktor di Hospital Besar Alor Setar yang berdakwah kepada pesakit warga tua yang sedang menanti saat untuk menghembuskan nafas terakhir. Doktor tersebut dengan kepakarannya, mampu melihat tanda-tanda kematian yang terlalu hampir, dan denyut nadi pesakit warga tua yang akan berhenti, telah meminta pesakit warga tua tersebut bersabar. Doktor itu juga mengingatkan pesakit warga tua tersebut bahawa “sakit, hidup dan mati, adalah hak Allah S.W.T, kita perlu redha” Kata-kata doktor tersebut jelas menggambarkan bahawa beliau tidak mempunyai kemampuan lagi untuk membantu pesakit warga tua tersebut, dan hanya dapat bertawakkal sahaja kepada Allah S.W.T.

Wan Ibrahim Wan Ahmad juga memerhatikan gelagat doktor tersebut terhadap pesakit lain yang sedang bergelut dengan kematian. Beliau dapatti doktor tersebut turut mengingatkan pesakit lain dengan kata-kata yang sama iaitu “sakit, hidup dan mati, adalah hak Allah S.W.T, kita perlu redha” Semua pesakit yang diberikan kata-kata ini meninggal sejurus selepas itu. Bagi doktor ini yang mempunyai kepakaran untuk mengandaikan masa denyut nadi pesakitnya bila akan berakhir, akan menggunakan peluang terakhir tersebut untuk mengingatkan pesakit tentang ke-Esaan Allah. Agaknya itulah usaha dakwah yang mampu dilakukan oleh beliau.

Namun begitu, bagaimana dengan pendakwah yang mempunyai ilmu dan kemahiran, serta mengetahui kepentingan penyebaran dakwah terhadap warga tua? Sanggupkah pendakwah merebut peluang ini? atau adakah tenaga

pendakwah yang ada mencukupi untuk memberikan tumpuan kegiatan dakwah di kalangan warga tua seperti ini? Pendakwah perlu memperuntukan masa mereka untuk berdakwah kepada pesakit warga tua di hospital-hospital tanpa mengira agama. Ini adalah kerana terdapat juga pesakit warga tua yang terbiar tanpa waris. Dalam konteks ini, pendakwah perlu mendekati mereka dengan berdakwah, supaya mereka mengakui ke-Esaan Allah S.W.T.

#### WARGA TUA, AGAMA DAN PENDEKATAN DAKWAH

Warga tua perlu didekati oleh pendakwah. Ini adalah kerana pada peringkat usia tua ini pada umumnya individu telah menyedari mereka sudah berada di penghujung kehidupan. Selain itu disebabkan warga tua sudahpun menjalani kehidupan yang sudah lama, mereka sudah menemui banyak kematian, termasuk kematian orang-orang yang tersayang. Jadi dapatlah dikatakan masa tua adalah masa yang menjadi perantara di antara kehidupan di dunia dengan kehidupan sesudah mati. Pola gaya hidup, kelas sosial dan martabat warga tua masa kini adalah refleksi daripada pola gaya hidup, kelas sosial dan martabat mereka pada usia muda. Masalah sosial yang banyak berlaku di kalangan generasi muda kini, adalah cermin perilaku mereka di usia tua. Oleh kerana itu, usaha dakwah kepada warga tua agar mereka mempunyai kefahaman tentang nilai-nilai agama dan boleh mendekati agama dengan cara yang betul adalah wajar. Dakwah kepada mereka tidak boleh dibuat secara umum dan mencampurkan mereka dalam kelompok umum. Mereka perlu didekati secara individu atau dalam kelompok kecil bersama rakan sebaya mereka.

Dari sudut psikologi, warga tua lebih mudah didekati berbanding individu dalam kategori umur yang lain. Ini kerana kajian-kajian mengenai keagamaan warga tua di luar negara menunjukkan warga tua lebih kuat berpegang dan lebih berminat kepada agama serta merasa agama adalah unsur yang penting kepada kehidupan berbanding generasi muda. Harris (1990) menyatakan terdapat hubungan yang positif di antara ketiautan beragama dengan umur. Dalam konteks kekerapan mengunjungi gereja, beliau turut menyatakan walaupun kajian menunjukkan semakin tua seseorang semakin berkurang kunjungan ke gereja, tetapi penurunan ini disebabkan masalah kesihatan dan kemudahan pengangkutan. Warga tua ini sebaliknya menggantikan ketidakhadiran ke gereja ini dengan aktiviti keagamaan yang lain seperti menonton rancangan agama, membaca buku-buku agama serta pelbagai aktiviti keagamaan lain di rumah mereka. Harris (1990) menyatakan di peringkat tua, agama memberikan empat fungsi, iaitu; membantu warga tua menghadapi ancaman kematian, membantu warga tua mencari dan mempertahankan rasa kehidupan yang bermakna, membantu warga tua menerima kehilangan yang tidak terelakkan di peringkat tua, serta membantu warga tua mencari dan menggunakan nilai-nilai ganti baru yang berpotensial untuk kehidupan.

Dari segi pendekatan dakwah, warga tua perlu didekati dengan kasih sayang dan kelembutan serta pendakwah perlu meletakkan warga tua sebagai sasaran yang mempunyai martabat yang tinggi dan dikasihi Allah S.W.T. Pendakwah perlu berbuat baik dan berlaku ihsan kepada mereka. Warga tua merupakan manusia yang dipanjangkan usia dan dikurniakan gaya hidup dan martabat yang istimewa dalam agama. Firman Allah S.W.T dalam Surah al-Isrā' (17: 23-24) yang bermaksud:

Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik pada ibu bapa kamu dengan sebaik-baiknya.

Firman Allah S.W.T dalam Surah al-Nisā' (4: 36) bermaksud:

Sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekuat-Nya dengan sesuatupun. Dan berbuat baiklah kepada kedua orang ibu bapa.

Kedua-dua ayat ini menunjukkan martabat warga tua dalam agama Islam. Martabat yang diberikan Allah S.W.T kepada warga tua dalam dua ayat tersebut menempatkan posisi berbuat baik kepada orang tua selepas posisi pengesaan Allah dan penghambaan kepada-Nya (Mahmud & Muhammad 2000). Dengan kata lain Allah S.W.T mensyariatkan kewajipan berbuat baik dan berbakti kepada ibu bapa setelah perintah mengesakan-Nya dan menyembah-Nya. Berbuat baik kepada ibu bapa adalah kewajipan yang perlu dipenuhi selepas kewajipan mengesakan dan memperhambakan diri kepada Allah S.W.T.

Perintah Allah S.W.T kepada anak-anak agar mentaati dan berlaku ihsan kepada warga tua adalah kerana pada usia tersebut warga tua akan mengalami pelbagai perubahan dari segi fizikal, kognitif, emosi, konflik sosial, dan isu kematian seperti firman Allah S.W.T dalam Surah Yāsin (36: 68) yang bermaksud:

Dan sesiapa yang Kami panjangkan umurnya nescaya Kami kembalikan dia kepada kejadiannya. Maka apakah mereka tidak memikirkan?

Maksud “*kembalikan dia kepada kejadianinya*” dalam ayat ini ialah warga tua dikembalikan menjadi lemah dan kurang akal seperti mana seorang bayi atau kanak-kanak. Sama seperti di peringkat bayi atau kanak-kanak, seorang manusia memerlukan orang lain untuk menjadi penjaganya, warga tua juga memerlukan orang lain untuk menjaganya. Pada waktu ini warga tua memerlukan bantuan bakti ihsan daripada anak-anak. Oleh kerana itu Allah S.W.T menggariskan panduan ihsan seorang anak kepada kedua ibu bapa dalam Surah al-Isrā' (17: 23-24) yang bermaksud:

Jika salah seorang di antara keduanya atau kedua-duanya sampai berumur lanjut dalam pemeliharaanmu, maka sekali-kali janganlah kamu mengatakan kepada keduanya perkataan ‘ah’ dan janganlah kamu membentak mereka dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia. Dan rendahkanlah dirimu terhadap mereka berdua dengan penuh kesayangan dan ucapkanlah: ‘Wahai Tuahku, kasihilah mereka keduanya, sebagaimana mereka telah mendidik aku sewaktu kecil’

Garis panduan ihsan yang dinyatakan dalam ayat ini ialah:

1. Tidak boleh bercakap kasar kepada warga tua, walaupun hanya dengan menggunakan perkataan ‘ah’ atau ‘cis’.
2. Tidak boleh mengherdik warga tua.
3. Hendaklah menggunakan perkataan yang mulia, lemah lembut dan berbudi bahasa kepada warga tua.
4. Hendaklah merendahkan diri dengan penuh kasih sayang kepada warga tua.
5. Hendaklah berdoa agar Allah S.W.T memberi rahmat kepada warga tua.

Garis panduan ini adalah norma yang wajib diikuti oleh pendakwah. Garis panduan ini merupakan alat kawalan sosial yang ditetapkan Allah S.W.T untuk menghindari berlakunya perlanggaran etika, adab dan moral kepada warga tua. Perlanggaran etika, adab dan moral serta sikap tidak ada kasih sayang dan ihsan kepada warga tua menjadikan mereka tidak berminat kepada dakwah. Dengan kata lain untuk menjadikan usaha dakwah kepada warga tua berjaya, mereka perlu diberikan perhatian khusus dan didekati dengan kasih sayang dan ihsan.

#### IMPLIKASI DAKWAH MASA DEPAN: CABARAN DAN HARAPAN

Usaha dakwah kepada warga tua seperti yang terlihat di hospital-hospital sama ada di Indonesia atau di Malaysia adalah masih jauh daripada memadai. Kegiatan dakwah kepada warga tua di kedua-dua negara ini masih belum menyerlah. Walaupun kebanyakan orang Islam mengakui bahawa Islam adalah agama dakwah, tetapi secara praktikalnya, kegiatan ini masih belum mencukupi. Jikapun ada usaha dakwah kepada warga tua, khususnya di hospital-hospital, tetapi ia adalah usaha persendirian yang dilakukan di atas kesedaran individu tertentu seperti yang dilakukan oleh seorang doktor yang merawat pesakit warga tua di Hospital Alor Setar. Keadaan ini memerlukan pelbagai usaha serius, dan perlu dilakukan segera.

Para pendakwah perlu mendekati warga tua dengan penuh kasih sayang. Maksud kasih sayang di sini ialah pendakwah perlu meneroka perasaan, minat, sikap, dan keperluan warga tua terlebih dahulu sebelum memberi maklum balas terhadap mereka. Terdapat dua perkara yang sangat perlu diberi perhatian oleh pendakwah sewaktu berdakwah kepada warga tua iaitu; berbudi bahasa sewaktu bercakap, dan tidak meninggikan suara walaupun warga tua tersebut telah melakukan sesuatu yang bertentangan dengan ajaran Allah S.W.T. Walaupun Malaysia sebuah negara berbilang etnik dan agama, namun para pendakwah seharusnya mendekati semua warga tua tanpa mengira etnik dan agama dengan kasih sayang. Isu agama atau kerohanian adalah satu isu yang penting dalam kehidupan. Pendakwah perlu meningkatkan usaha untuk memberikan kefahaman agama Islam kepada pengikut agama lain di Malaysia. Pendakwah

perlu berpegang kepada prinsip keenam dan ketujuh dalam Islam Hadhari yang menekankan aspek “kehidupan berkualiti” dan “pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita”. Pendakwah perlu bergerak aktif memberi kefahaman tentang Islam kepada warga tua. Usaha dakwah perlu digerakkan agar ajaran Islam dapat diamalkan oleh warga tua Muslim, dan nilai Islam dapat difahami dan diketahui oleh warga tua non-Muslim. Jika warga tua tidak menyedari kepentingan ajaran Islam, bagaimana mereka dapat menghembuskan nafas terakhir dalam suasana kebaikan?

Usaha dakwah kepada warga tua di hospital-hospital boleh dilakukan oleh pendakwah dalam pelbagai pendekatan dan fungsi. Para pendakwah boleh menggunakan pendekatan pekerja sosial, kaunselor atau penyelidik. Melalui pendekatan dan fungsi pekerja sosial, kaunselor atau penyelidik, pendakwah boleh mendekati warga tua dengan lebih mudah, tanpa menimbulkan perasaan syak wasangka. Bagaimanapun, untuk menjadi pendakwah-pekerja sosial, pendakwah-kaunselor atau pendakwah-penyalidik, pendakwah perlu memiliki beberapa syarat kelayakan. Pendakwah perlu menguasai ilmu dan kemahiran serta melakukan latihan praktikum dalam bidang kerja sosial, kaunseling, atau penyelidikan. Ketiga-tiga pendekatan dan fungsi ini memerlukan satu latihan atau tahap pendidikan formal dan sistematis. Selain itu, pendakwah juga terikat dengan Akta Kaunselor 1998 (AKTA 580) yang melarang mana-mana individu atau organisasi yang tidak mempunyai kelayakan yang ditetapkan untuk menjalankan kaunseling. Oleh kerana itu, bidang kerja sosial dan penyelidikan adalah lebih praktikal dan lebih mudah diperolehi oleh pendakwah berbanding dengan bidang kaunseling.

Selain itu, mana-mana institusi yang menawarkan pengajian dakwah perlu mewujudkan kepakaran tenaga akademiknya untuk berdakwah kepada pelbagai kategori penduduk. Ini disebabkan setiap kategori penduduk seperti warga tua, remaja, ataupun orang kurang upaya mempunyai persepsi, keperluan, cita-cita, dan pandangan dunia yang berbeza di antara satu sama lain. Bagi menjamin pembangunan dakwah, para tenaga akademik seharusnya diberi peluang untuk melanjutkan pengajian sama ada di peringkat Sarjana atau Doktor Falsafah dalam bidang ilmu sains sosial seperti bidang kerja sosial atau kaunseling. Bidang kerja sosial atau kaunseling adalah dua program yang dapat membantu tenaga akademik di institusi pengajian dakwah untuk melahirkan para pendakwah yang mampu menyampaikan ajaran Islam kepada semua kategori penduduk secara professional.

Pendakwah juga memerlukan ilmu bantu yang relevan dan mencukupi untuk berjaya dalam misinya supaya mereka mampu menganalisis sesuatu fenomena sosial dengan lebih jelas. Banyak fenomena yang berlaku dalam masyarakat adalah fenomena sosial. Perbuatan sumbang mahram umpamanya, walaupun ia berkaitan dengan hukum hakam agama, tetapi perlu dilihat sebagai satu fenomena sosial yang berakar umbi dalam struktur sosial dan budaya masyarakat di mana perbuatan itu berlaku. Untuk menghalang perbuatan ini tidak cukup dengan hanya mengajak anggota masyarakat supaya mengenali perbuatan

mungkar dan keji. Ramai orang yang tahu tentang dosa dan pahala, tetapi masih bergelumang dengan perbuatan maksiat. Oleh itu, perbuatan ini perlu dilihat sebagai akibat daripada struktur sosial yang sudah mengalami kepincangan; seperti institusi keluarga tidak lagi dapat memainkan peranannya dengan sempurna, ditambah lagi dengan perubahan-perubahan dalam institusi ekonomi, politik, pendidikan serta pelbagai institusi lain yang menjadi tiang seri masyarakat telah mengalami kepincangan. Kepincangan struktur sosial ini akhirnya boleh membawa kepada anggotanya tidak lagi mematuhi nilai, norma, dan hukum hakam agama. Dengan yang demikian, kepatuhan terhadap agama, daripada perspektif sains sosial, dipandang sebagai akibat daripada kepincangan struktur masyarakat. Dengan kata lain, kepincangan struktur sosial melahirkan orang yang tidak patuh kepada agama.

Untuk menganalisis fenomena ini dengan lebih menyakinkan, pendakwah memerlukan kemahiran menggunakan perspektif sains sosial. Melalui perspektif sains sosial, pendakwah dapat menganalisis fenomena sosial dan apa saja perilaku sosial dengan sistematis. Ini adalah kerana secara realitinya semua perilaku dalam masyarakat adalah refleksi struktur sosial masyarakatnya. Dalam masyarakat yang mengalami pemodenan ini, agama tidak lagi menjadi satu unsur yang dominan yang mampu mengawal perilaku anggotanya. Struktur masyarakat, khususnya sistem nilai, norma serta persekitaran masyarakat merupakan unsur yang dapat membentuk perilaku manusia, sama ada ‘baik’ atau ‘buruk’ mengikut kayu ukur masyarakat. Oleh itu, adalah tidak memadai jika pendakwah menganalisis suatu fenomena sosial atau perilaku sosial hanya menggunakan perspektif agama, iaitu dengan menganalisis persekitaran agama pelaku, tanpa menggunakan perspektif sains sosial.

Maksud perspektif sains sosial ini ialah memandang suatu perilaku adalah akibat daripada sistem sosial, dan kerana itu perilaku ini berakar umbi kepada sistem sosial masyarakat, bukan berakar umbi kepada kejahilan anggota masyarakat tentang nilai-nilai agama. Oleh itu, analisis daripada perspektif sains sosial dilihat sebagai mampu untuk menghuraikan punca atau akar umbi sesuatu perilaku sosial itu, termasuk mampu menghuraikan punca atau akar umbi mengapa pelaku masalah sosial jahil tentang nilai-nilai agama. Terdapat banyak teori yang boleh digunakan untuk menganalisis fenomena sosial. Antaranya ialah teori struktural fungsional, teori Ann Roe, teori psikologi individu dan teori Piaget. Ahli sains sosial menggunakan teori-teori ini untuk menganalisis sesuatu fenomena sosial. Dengan menggunakan teori, analisis dan huraian terhadap fenomena sosial akan menjadi lebih berwibawa dan jelas. Para pendakwah di Malaysia dilihat tidak terbiasa dengan penggunaan teori seperti ini, sedangkan teori ialah alat yang ampuh untuk memahami sesuatu fenomena sosial. Oleh itu, para pendakwah perlu memiliki ilmu bantu dalam sains sosial untuk membolehkan mereka memahami dan seterusnya boleh menggunakan perspektif sains sosial dalam menganalisis sebarang perilaku sosial dalam masyarakat pada hari ini.

Keadaan di Indonesia agak berbeza sedikit daripada Malaysia. Pendakwah yang aktif di Indonesia didapati mempelajari dan mempunyai banyak ilmu bantu, malah dalam kuliah-kuliah pengajian Islam di pusat-pusat pengajian Tinggi Islam di Indonesia yang melahirkan pendakwah itu sendiri disogokkan dengan pelbagai ilmu Bantu. Tujuannya ialah untuk memperkaya pengetahuan dan strategi para pendakwah tersebut. Selain itu, pendakwah di Indonesia tidak terhad hanya kepada mereka yang mendapat pendidikan formal dalam bidang agama sahaja. Ramai pendakwah yang terkenal di Indonesia mempunyai kelulusan di peringkat Sarjana, dan Doktor Falsafah dalam bidang bukan pengajian Islam. Terdapat juga di kalangan mereka yang terdiri daripada jurutera, kaunselor dan daripada pelbagai disiplin ilmu yang lain.

Sebahagian daripada mereka didapati mempunyai ijazah pertama dalam pengajian Islam, tetapi meneruskan pengajian di peringkat Sarjana, dan Doktor Falsafah dalam bidang sains sosial yang lain. Terdapat juga sebahagian yang lain yang mendapat asas pendidikan agama di pondok-pondok pesantren pada waktu petang, malam atau di waktu-waktu senggang semasa mereka tidak mengikuti kuliah dalam bidang asasi mereka. Polisi pendidikan di Indonesia membenarkan para mahasiswa mengikuti pengajian lebih daripada satu universiti secara serentak. Oleh yang demikian, ramai para mahasiswa di Indonesia yang mengikuti kuliah di satu universiti, dan dalam masa yang sama mengikuti kuliah agama juga di universiti yang lain yang menjadikan Indonesia mempunyai ramai tenaga pendakwah. Usaha dakwah di Indonesia ini dapat dikatakan melihat perilaku sosial dengan menggunakan perspektif lain, selain perspektif agama.

Selain itu kegiatan penyelidikan untuk menganalisis dan memahami masyarakat setempat perlu digerak dan diperbanyakkan. Umpamanya penyelidikan agama untuk menganalisis kehendak, kelemahan, kekuatan, masalah, pandangan hidup, pengetahuan, sikap dan persepsi, amalan serta lain-lain aspek perilaku keagamaan di kalangan masyarakat setempat perlu diperbanyakkan. Usaha penyelidikan ini mestilah bersifat lapangan, maksudnya mengkaji masyarakat, bukannya sekadar bersifat *arm-chair* yang mengkaji buku-buku. Dalam konteks hari ini, institusi pengajian dakwah di Malaysia seharusnya mempunyai pengkalan data maklumat keagamaan penduduk di kebanyakan tempat di Malaysia. Daripada pengkalan data ini, suatu khazanah ilmu dan maklumat mengenai profil dan kategori penduduk yang tidak tahu niat sembahyang fardu, sembahyang jamak dan qasar, tidak pernah sembahyang, bersekedudukan, berzina, menyalahgunakan dadah, dan mengambil alkohol di sesuatu tempat di Malaysia dapat disimpan sebagai rujukan. Untuk menghasilkan pengkalan data seperti ini, pendakwah perlu menumpukan penyelidikan dalam masyarakat, bukannya penyelidikan dalam agama yang dianalisis mengguna perspektif ilmu agama itu sahaja. Hasil kajian seperti ini dapat membantu pendakwah untuk mengenalpasti masalah sebenar yang berlaku dalam masyarakat, dan membantu pendakwah untuk memikirkan strategi dan plan tindakan.

Untuk menghasilkan pengkalan data, seseorang penyelidik memerlukan ilmu, kemahiran dan masa yang mencukupi untuk mengumpul maklumat atau data. Pada peringkat permulaannya adalah memadai seseorang penyelidik itu menyediakan laporan-laporan kes. Laporan kes boleh ditulis dengan memberi tumpuan kes kepada individu tertentu, dan ia juga boleh ditulis dengan memberi tumpuan kes kepada kelompok seperti remaja buli, keluarga pincang, *Black Metal*, Rumah Seri Kenangan, Pusat Pemuliharan Akhlak, hospital dan sebagainya. Kes boleh ditulis dalam bahasa deskriptif dan lazimnya berpusatkan isu (Mahmood Nazar 2002). Apabila terdapat satu kes yang ingin ditulis oleh penyelidik, ia perlu ditulis dengan menyeluruh, meliputi semua aspek yang menjurus kepada isu berkenaan (Mahmood Nazar 2002; Larson 1995).

Umpamanya, jika penyelidik meneliti suatu keluarga yang porak peranda, penyelidik perlu meneliti sama ada ketua keluarga (suami) atau isteri dalam keluarga tersebut mempunyai asas agama atau tidak. Selain itu, penyelidik juga perlu menganalisis pola komunikasi, amalan, gaya hidup dan kebiasaan dalam rumah tangga, kemudahan fizikal dalam rumah, kapasiti keluarga untuk memperolehi sumber pendapatan yang mencukupi, aktiviti di luar rumah tangga, hubungan dengan orang ketiga, sistem sokongan sosial, serta pelbagai faktor lagi termasuk gambaran struktur sosial tempat keluarga kes tinggal. Hasil laporan kes seperti ini boleh memperkayakan pendakwah dengan maklumat yang boleh membantunya memahami kes sebelum mereka mulakan usaha dakwah. Dengan itu usaha dakwah perlulah dimulai dengan usaha penyelidikan, atau dalam konteks ini, laporan kes. Apabila pendakwah memasuki sasaran tertentu untuk berdakwah, dengan laporan kes yang ada, mereka sudah mempunyai gambaran awal tentang individu atau masyarakat sasarnya itu.

Selain itu, usaha dakwah boleh ditinjau daripada perspektif mikro serta boleh juga ditinjau daripada perspektif makro. Perspektif mikro melihat individu sebagai sasaran dakwah, seperti pendekatan yang digunakan oleh Jemaah Tabligh. Dalam konteks perspektif makro, pendakwah tidak menumpukan sasaran dakwah mereka kepada individu atau tidak bermatlamat membantu individu supaya menghayati dan mengamalkan nilai-nilai Islam. Perspektif ini sebaliknya bermatlamat mengajak masyarakat manusia supaya sentiasa berada di jalan kebaikan dan menghalang masyarakat manusia daripada jalan keburukan. Tujuan akhir daripada usaha ini ialah untuk mewujudkan keharmonian hubungan di antara masyarakat manusia dengan Tuhan-Nya, dengan sesama manusia, serta dengan alam sekelilingnya, agar masyarakat manusia ini boleh mencapai kejayaan hidup di dunia dan di akhirat. Sama ada dalam konteks mikro ataupun makro, pendakwah perlu menggunakan semua sumber yang ada di persekitaran serta perlu mengambil kira struktur sosial masyarakat setempat dalam melakukan intervensi atau dakwah. Ini bermakna, usaha yang berkesan tidak mencukupi jika hanya menggunakan agama sebagai sumber asas untuk berdakwah. Selepas aktiviti dakwah dijalankan, pendakwah juga perlu menulis

laporan kes sasarannya, supaya dapat membantu mereka untuk menganalisis kejayaan usaha dakwah ke atas sasaran tersebut.

Kejayaan misi para orientalis atau penjajah semasa menjajah tanah jajahan mereka adalah disebabkan usaha sebegini. Semua pentadbir yang dihantar ke tanah jajahan adalah mereka yang dilatih khusus untuk memahami *world-view* masyarakat setempat. Mereka diajar dan dilatih bagaimana orang-orang Timur berfikir dan berperilaku. Apabila mereka sampai di tanah jajahan, di samping mentadbir, mereka turut mengadakan pemerhatian dan melakukan penelitian ke atas masyarakat di mana mereka ditempatkan. Banyaklah tulisan hasil pemerhatian yang berjaya mereka hasilkan mengenai masyarakat di tanah jajahan. Mereka akhirnya menjadi pakar tentang adat, kebiasaan, norma, sistem nilai, kehendak serta pelbagai aspek kehidupan orang Timur. Kepakaran dan hasil tulisan mereka menjadi rujukan pula kepada orang Timur itu sendiri, malah sehingga sekarang hasil tulisan mereka masih menjadi rujukan penting kepada pengkaji tempatan. Hasil pemerhatian dan kefahaman mereka menjadikan mereka dapat meneruskan penjajahan dengan jayanya di tanah jajahan mereka. Model ini terbukti amat berjaya. Usaha dakwah di kalangan orang Islam tidak mengambil iktibar daripada model seperti ini.

#### PENUTUP

Warga tua adalah golongan yang berumur 60 atau 65 tahun ke atas. Mereka merupakan golongan minoriti. Walaupun nisbah mereka dalam masyarakat di Malaysia dan Indonesia pada hari ini masih lagi kecil, namun jika dibandingkan dengan negara maju, terdapat tanda-tanda penduduk Malaysia dan Indonesia sedang menuju ke arah penuaan. Pada tahun 1970, Malaysia mempunyai 3.1 peratus warga tua, dan pada tahun 1995 jumlah peratus warga tua dalam masyarakat di Malaysia meningkat kepada 3.9 peratus. Jumlah peratus warga tua dalam masyarakat di Malaysia ini dijangka meningkat kepada 7.3 peratus pada tahun 2020. Unjurian ini menunjukkan pada abad ke-21, Malaysia akan mempunyai jumlah warga tua melebihi tujuh peratus. Peningkatan jumlah warga tua kepada tujuh peratus di Malaysia pada tahun 2020 ini merupakan ukuran tanda aras yang dapat meletakkan Malaysia sebagai sebuah Negara berpenduduk tua dalam tempoh 14 tahun lagi, seperti yang digunakan oleh PBB. Pelunjuran penduduk warga tua di Indonesia didapati tidak jauh berbeza dengan Malaysia. Pada tahun 2020, proporsi warga tua di Indonesia diandaikan berjumlah 7.8 peratus. Peratusan ini menunjukkan Indonesia juga merupakan sebuah negara yang bakal mencapai status berpenduduk tua.

Dalam konteks dakwah, warga tua di Malaysia, Indonesia atau di mana saja adalah sasaran dakwah yang perlu diberi perhatian serius. Mereka perlu diberi bantuan ilmu dan amalan bagi menghadapi zaman usia tua dan isu kematian. Seruan dakwah kepada mereka perlu mengandungi ajakan yang

bertujuan untuk menambahbaikan kualiti amalan ibadah kepada Allah S.W.T. Pendekatan dakwah yang sesuai digunakan kepada warga tua ialah kasih sayang dan ihsan. Kedua-dua pendekatan ini memerlukan kemahiran pendakwah khususnya untuk memahami perasaan, menghargai, dan menyayangi warga tua. Melalui kedua-dua pendekatan ini, pendakwah juga dapat membantu warga tua untuk meneruskan kehidupan mereka di usia tua dalam keadaan yakin dan stabil dari segi emosi, kognitif dan ruh.

Pendakwah boleh mendekati warga tua di rumah, institusi penjagaan warga tua atau di hospital. Tugas dan tanggungjawab pendakwah kepada warga tua ialah untuk memberi peluang kepada warga tua agar dapat menemui kematianya dalam keadaan yang diredai Allah S.W.T. Tugas dan tanggungjawab memberi jaminan sosial dan jaminan ekonomi telah dijadikan objektif dalam Dasar Warga Tua Negara. Namun, tugas dan tanggungjawab kerohanian atau agama masih belum dijadikan objektif dalam Dasar Warga Tua Negara. Bagi menjamin penjagaan dan perlindungan yang menyeluruh kepada warga tua, seharusnya jaminan kerohanian atau agama dijadikan objektif utama dalam Dasar Warga Tua Negara. Dalam hal ini, pendakwah di Malaysia, Indonesia atau di manapun negara perlu memantapkan ilmu dan kemahiran dakwah kepada warga tua sebagai persediaan untuk menerima jumlah warga tua yang semakin meningkat. Sikap keterbukaan pendakwah untuk menggunakan perspektif sains sosial, di samping ilmu asas dakwah dalam mendekati warga tua adalah satu nilai tambah yang mampu memberi jaminan kesejahteraan kepada warga tua di dunia dan akhirat.

#### RUJUKAN

- Abd Karim Zaidan. 1997. *Usūl al-Da'wah*. Edisi Keenam. Beirut: al-Resalah Publishing House.
- Atchley, Robert C. 1988. *Aging: Continuity and Change*. Belmont, California: Wadsworth Publishing Co.
- Bahagian Hal Ehwal Islam. 1988. *Al-Qur'an al-Karim - Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. Terj. Abdullah Basmeih. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Cantor, M. & Little, V 1985. Aging and Social Care. Dlm. Binstock, R.H. & Shanas, E. (pnyt.). *Handbook of Aging and the Social Sciences*. Edisi Kedua. New York: Van Nostrand.
- Chamhuri Siwar. 1987. Migrasi Keluar Desa: Kesan dan Implikasi Terhadap Guna Tanah Sektor Pertanian. Dlm. Sulong Muhammad & Rahimah A. Aziz. (pnyt.). *Pembandaran dan Pembangunan Negara*. Bangi: UKM.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 1993. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gove, Philip B. 1966. *Webster's Third New International Dictionary*. Springfield, Mass.. G & C Merriam Company
- Harris, Diana K. 1990. *Sociology of Aging*. New York: Harper & Row Publishers.

- Holahan, C. K. & Holahan, C. J. 1987 Self Efficacy, Social Support and Depression in Aging: A Longitudinal Analysis. *Journal of Gerontology* 42: 65-68.
- Hooyman, N. R. & Kiyak, H. A. 1988. *Social Gerontology: A Multidisciplinary Perspectives*. Massachusset: Allyn and Bacon.
- Ismail Yusoff. 1997 *Politik dan Agama di Sabah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. 2006. Perkhidmatan Bahagian Warga Tua dan Keluarga. atas talian. [http://www.jkm.gov.my/Perkhidmatan\\_warga.asp?](http://www.jkm.gov.my/Perkhidmatan_warga.asp)
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak. 2006. Dasar Kebajikan Masyarakat Negara. atas talian. <http://www.welfare.sarawak.gov.my/akta.html>.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 1983. *Laporan Am Banci Penduduk 1980*, Jilid 1. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 1995. *Laporan Am Banci Penduduk dan Perumahan 1991*. Jilid 2. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Kalish, R. A. 1982. *Late Adulthood: Perspectives on Human Development*. California: Brooks Publishing.
- Kinsella, Kevin & Cynthia, M. Taeuber. 1993. *An Aging World II*. International Population Reports P95/92-3, U.S Department of Commerce, Economics and Statistics Administration, Bureau of the Census, U.S.
- Khairuddin Idris & Shamsuddin Ahmad. 1992. Rancangan Pembangunan Tanah Belia. Dlm. Victor, T. King & Nazaruddin Mohd Jali. (pnyt.). *Isu-isu Pembangunan Luar Bandar di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Larson, P S. 1995. Generalist and Advanced Generalist Practice. Dlm. R. L. Edwards, R. L. (pnyt.). *Encyclopedia of Social Work*. Washington D.C.. NASW
- Mahmood Nazar Mohamed. 1990. *Pengantar Psikologi-Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmood Nazar Mohamed. 2002. *Memulihkan Kesan Pengambilan Bahan Psikoaktif*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mahmud Muhammad al-Jauhari & Muhammad Abdul Hakim Khayyal. 2000. *Membangun Keluarga Qur'an – Panduan Untuk Wanita Muslimah*. Terj. Kamran As'ad Irsyady & Muflilha Wijayati (STP Sabda). Jakarta: Amzah.
- Masitah & Nazileh. 1988. *Malaysia Country Report on Socio-Economic Consequences of the Aging of Population Survey, 1986*. Kuala Lumpur: Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara.
- Myers, George, C. 1990. Demography of Aging. Dlm. Robert, H. Binstock & Linda, K. George. (pnyt.). *Handbook of Aging and the Social Sciences*. San Diego, California: Academic Press.
- al-Naqib, Kázim Muhammad. 1967 *Al-Da'wah wa al-'Uqūbah*. Misr: al-Matba'ah al-Nu'mānī.
- Parsons, L. M. 1967 The Catholic Church in Borneo. *Sabah Society Journal*, 3.
- Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. 1988. *World Population Prospects: Estimates and Projections as Assesed in 1982*. New York: USA.
- Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. 1991. *Sex and Age Distributions of Population*. Department of International Economics and Social Affair, New York: USA.
- Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. 2001. *Policies and Programmes for Older Persons in Asia and the Pacific: Selected Studies*. Social Policy Paper No.1, Economic and Social Commision for Asia and the Pacific, New York: USA.

- Portal Internet Desa. 2006. Warga Emas: Dasar warga tua negara.atas talian. <http://www.idesa.net.my/modules/news/article.php?storyid=63>.
- Usman Hj. Yaakob. 1989. *Prinsip Kajian Kependudukan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Victor, Christina R. 1994. *Old Age in Modern Society. A Textbook of Social Gerontology*. London: Chapman & Hall.
- Wan Hussein @ Azmi Wan Abdul Kadir. 1984. *Ilmu Dakwah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Ibrahim Wan Ahmad. 1999. Hubungan Sosial, Sokongan dan Kesejahteraan Warga Tua: Satu Kajian di Pedesaan Kelantan. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia.

Prof. Madya Dr. Wan Ibrahim Wan Ahmad  
Jabatan Kerja Sosial  
Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia  
Universiti Utara Malaysia  
06010 Sintok, Kedah Darul Aman  
wiwa@uum.edu.my

Prof. Madya Dr. Zainab Ismail  
Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan  
zainab@pkrisc.cc.ukm.my

